

STPM Kertas 1 2013:

Soalan 5

- (a) Adakah sistem catatan tunggal terasing daripada sistem perakaunan? Jelaskan jawapan anda. (2 markah)
- (b) Nyatakan dua kebaikan sistem rekod tidak lengkap. (2 markah)
- (c) Yang berikut ialah maklumat tentang Perniagaan Sofiya bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

	RM
Jualan	301,100
Diskaun diberi	15,400
Diskaun diterima	16,300
Tunai dibayar kepada pemiutang	133,500
Akaun pulangan jualan	3,700
Akaun pulangan belian	2,650
Akaun belum terima pada 1 Januari 2011	49,000
Akaun belum terima pada 31 Disember 2011	63,000
Akaun belum bayar pada 1 Januari 2011	23,800
Akaun belum bayar pada 31 Disember 2011	31,600

RM

Dikehendaki:

Hitung amaun belian dan amaun tunai yang diterima daripada penghutang Perniagaan Sofiya. (5 markah)

- (d) Abadi memulakan perniagaan Perusahaan Abadi pada 1 Julai 2011 dengan modal tunai berjumlah RM20,000 dan nilai premis perniagaan berjumlah RM58,000 pada kos. Pada 30 Jun 2012 akaun aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti yang berikut:

	RM
Premis perniagaan	60,000
Inventori akhir pada kos	19,170
Insuran prabayar	3,000
Gaji terakru	2,820
Tunai di tangan	7,000
Peralatan dan kelengkapan pejabat pada kos	24,000
Akaun belum bayar	13,500
Pemiutang	7,860
Pinjaman bank (faedah 9%)	18,000
Faedah pinjaman terakru	900
Overdraf bank	8,520

Maklumat tambahan

- (1) Peralatan dan kelengkapan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun dengan menggunakan kaedah garis lurus.
- (2) Peruntukan hutang ragu sebanyak 3% atas akaun belum terima.
- (3) Pengambilan barang niaga pada nilai kos RM8,200.
- (4) Pengambilan tunai berjumlah RM5,000 untuk kegunaan peribadi.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan kunci kira-kira pada 30 Jun 2012 dengan menjadikan modal akhir perniagaan sebagai nilai pengimbang. (8 markah)
- (ii) Hitung modal awal dan untung bersih Perusahaan Abadi bagi tahun berakhir 30 Jun 2012. (3 markah)